

## Skuad Kembara Selangor Shines promosi ETS

**T**OURISM Selangor menerusi Program Skuad Kembara Selangor Shines meluaskan lokasi promosi ke Ipoh, Perak dengan kerjasama Perkhidmatan Keretapi Elektrik (ETS).

Program itu bertujuan mempromosikan aktiviti dan produk pelancongan menarik di Selangor.

Program itu turut mempromosikan perkhidmatan ETS kepada pengunjung.

Program itu juga bagi mendekatkan Skuad Kembara Selangor Shines dengan orang ramai.

Ia berlainan dengan Skuad Kembara Selangor Shines sebelum ini yang banyak

terbabit dengan aktiviti promosi di sekolah menengah.

Menerusi promosi itu, Skuad Kembara Selangor Shines membuka 'booth' pameran di gerabak ETS selain mengedarkan cenderahati 'goodies bag' kepada penumpang.

Penumpang juga turut diberikan pelbagai risalah pelancongan Tourism Selangor seperti buku breakaway, risalah daerah, peta mini Selangor, Homestay, Golf, DVD Selangor dan Majalah Vision Selangor.

Risalah mengenai pakej terbaru juga dibawa sekali untuk dipromosikan antaranya pakej

Sunway Lagoon, Pakej Homestay, Pakej Membeli-Belah dan tidak ketinggalan Pakej Upin dan Ipin serta pakej lain di Selangor.

Selain mengadakan pameran di dalam gerabak ETS, Tourism Selangor turut membuka ruang pameran di Stesen KTMB Ipoh.

Program sehari itu turut mendapat kerjasama Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) dan Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL).

Golden Palm Tree Resort & Spa juga turut serta menyertai siri promosi ini.

